D.R. 21/2011

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965.

[ ]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [*Akta 141*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Notwithstanding paragraph (2)*(a)*, the licence for importers and exporters of agricultural produce shall be issued by the Director General of Quarantine and Inspection and in accordance with the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 [*Act*].

(2B) Notwithstanding paragraph (2)*(c)*, the issuance of certificates for the purpose of importation shall be issued by the Director General of Quarantine and Inspection and in accordance with the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011.".

Seksyen baru 17A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

"**Enforcement at entry points, quarantine stations and quarantine premises**

17A. (1) Notwithstanding section 17, the enforcement in relation to agricultural produce at the entry points, quarantine stations and quarantine premises shall be carried out by an enforcement officer appointed under the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 in accordance with the powers under that Act.

(2) For the purposes of subsection (1), "entry point", "quarantine station" and "quarantine premises" have the same meanings as assigned to these expressions in the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011.".

Kecualian

4. Apa-apa perkara yang berhubungan dengan—

(a) permohonan bagi dan pengeluaran lesen untuk pengimport dan pengeksport; dan

(b) pengeluaran perakuan bagi maksud pengimportan,

yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini tidaklah terjejas oleh Akta ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 ("Akta 141").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 141 dan untuk memasukkan subseksyen baru (2A) dan (2B). Subseksyen baru (2A) memberi Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan kuasa untuk mengeluarkan lesen mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta*]. Subseksyen baru (2B) memperuntukkan bahawa perakuan bagi maksud pengimportan hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru ke dalam Akta 141 untuk membolehkan pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 untuk menjalankan penguatkuasaan berhubung dengan keluaran pertanian di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U^2)2787]